

NewspaperSG

Empat pesilat utama tanding di Uzbekistan

Berita Harian, 26 October 2014, Page 18

 Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Empat pesilat utama tanding di Uzbekistan

Silat semakin
mendapat
pengiktirafan di
rantau Asia Tengah

SILAT ► ISMAIL ALI

ismail@sph.com.sg

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah menghantar empat pesilat utama bertanding dalam kejohanan antarabangsa Terbuka Uzbekistan yang dijadual bermula hari ini hingga Rabu depan.

Kejohanan yang memperlihatkan penerimaan silat di negara Asia Tengah itu juga akan digunakan bagi mengukur kemampuan pesilat dan srikandi negara menjelang dua pertandingan besar iaitu Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thailand, Januari ini dan Sukan SEA Singapura Jun depan.

“Dua pertandingan besar bakal menjelang pada Januari dan Jun depan iaitu Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-16 dan Sukan SEA Ke-28.

“Inilah peluang bagi atlit negara berdepan dengan lawan berbadan lebih besar.

“Mereka juga boleh mencuba teknik dan taktik baru yang dipelajari semasa mengikuti latihan nasional dan kami (sebagai jurulatih) pula berpeluang membimbing dan menyuarakan cara-cara betul melaksanakannya,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang akan mengiringi keempat-empat pesilat tersebut dengan bantuan dua pegawai teknikal sebagai juri pengadil.

Keempat-empat pesilat tersebut ialah juara dunia, Muhammad Shakir Juanda; juara Sukan SEA Myanmar, Muhammad Nur Alfian Jumaen; Muhammad Iqbal Abdul Rahman dan Nurul Shafiqah Mohd Saiful.

Kecuali Nurul Shafiqah, ketiga-tiga pesilat itu merupakan penerima Biasiswa SPEX dan menjadi harapan negara memenangi pingat emas dalam Sukan SEA tahun depan.

Pesilat-pesilat negara itu perlu melalui pusingan kelayakan demi

melayakkan diri ke pusingan akhir Rabu.

Pencak silat semakin mendapat pengiktirafan di negara-negara Asia Tengah dan Sheik Alau'ddin, yang baru dilantik sebagai Presiden Persekutuan Pencak Silat Asia, sedang berusaha gigih mempromosikan sukan itu dan menggalakkan penubuhan persekutuan silat bukan sahaja di rantau tersebut, malah di seluruh Asia.

Sejauh ini, tiga negara di Asia Tengah iaitu Kyrgyzstan, Tajikistan dan Turkmenistan sedang dalam proses menubuhkan persekutuan silat masing-masing.

Langkah tersebut juga adalah susulan kepada hasrat melihat penyertaan silat sebagai salah satu acara dipertandingkan dalam Sukan Asia 2018 di Jakarta, Indonesia.

Silat mula diperkenalkan dalam Sukan Asia Busan 2002 di Korea Selatan sebagai acara pertunjukan dan Indonesia, selaku tuan rumah temasya itu empat tahun lagi, diberi keistimewaan memperkenalkan beberapa acara sukan tradisi dengan silat dijangka menjadi antara keutamaannya.



BERLEPAS KE TASHKENT: *(Dari kiri)* Muhammad Iqbal Abdul Rahman, Muhammad Nur Alfian Jumaen, Muhammad Shakir Juanda *(tiga dari kanan)* dan Nurul Shafiqah Mohd Saiful akan mewakili Team Singapore dalam Terbuka Uzbekistan. Mereka akan diiringi CEO Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican *(tiga dari kiri)*, dan dua pegawai Singapura lain. – Foto PERSISI

. – Foto PERSISI